

# KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / PUKONSA / UPKJ / Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tawaran	Tajuk Projek	Taraf/ *Jenis Pendaftaran	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat & Tarikh Iklan, Taklimat dan Lawatan Tapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC)	Kerja-Kerja Menaiktaraf Penghawa Dingin Fasa II dan Kerja Berkaitan di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC)  MOTAC/TC (S) 400-10/3/28	Bumiputera / T1	Gred G3  Kategori Kejuruteraan Mekanikal  <u>Pengkhususan</u> M01 – Sistem hawa dingin dan pengedaran udara E04 – Pemasangan voltan rendah	<u>Tarikh Iklan</u> 13 Oktober 2023  <u>Tempat Taklimat</u> Bilik Audio Visual (AV), Pusat Pelancongan Malaysia, 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  <u>Tarikh &amp; Masa Taklimat Dan Lawatan Tapak</u> 18 Oktober 2023 (Rabu) 10:00 pagi	PERCUMA	<u>Tempat</u> Peti Sebut Harga, Unit Kewangan, Pusat Pelancongan Malaysia, 109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> 24 Oktober 2023 (Selasa)  <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> 12:00 tengah hari

Pemilik adalah diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada **18 Oktober 2023, jam 10.00 pagi di Bilik AV, Pusat Pelancongan Malaysia** – Sila bawa kad pengenalan, salinan **ASAL** pendaftaran CIDB & PKK (pendaftaran yang masih sah) dan cop syarikat

Bagi taklimat sebut harga yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijik PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sebut harga berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakili selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak di Unit Kewangan MaTIC semasa waktu pejabat sahaja. Dokumen sebut harga akan diedarkan selepas sesi taklimat dan lawatan tapak diadakan.

Tiada bayaran bagi dokumen sebut harga dikenakan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada Pemilik Syarikat/Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, Pemilik Syarikat/Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

- \* Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan.
  - A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
  - A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.